

KUALA LANGAT, SEPANG

HUBUNGI SUKAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI • 019-6609020 / 019-660275



Muhammad Termizi menunjukkan cili fertigasinya.

Lambakan cili import jejas periuk nasi pengusaha tempatan

Cili tempatan tak laku

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Pengusaha tempatan tertekan dengan lambakan cili import yang memasuki pasaran negara ini.

Tinjauan Sinar Harian mendapati beberapa pengusaha sayur-sayuran termasuk pengusaha cili di Kuala Langat berdepan dengan kerugian akibat harga cili jatuh sejak beberapa minggu lalu.

Seorang pengusaha cili dari Jempol, Muhammad Termizi Setopa, 34, berkata, dia sanggup menghabiskan masa perjalanan dari Jempol, Negeri Sembilan ke Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat semata-mata ingin mengurangkan sedikit kerugian yang dialami petani kerana PPK Kuala Langat akan membeli hasil tanamannya dengan harga jauh le-

bih baik.

Menurutnya, bagaimanapun sampai bila PPK boleh bertahan untuk "top up" belian cili petani meskipun ketika harga sayur jatuh. "Petani mengalami kerugian ketara sejak tiga tahun yang lalu hinggalah pada 2 Mei lalu harga cili mencecah RM 5.20 sekilogram berbanding RM 4.20 semalam.

"Bayangkan saya terpaksa datang ke sini sejauh 168 kilometer dari Jempol ke Kuala Langat sebab nak dapatkan harga lebih baik iaitu RM 4.20 (harga lantai) berbanding pasaran di Negeri Sembilan sekitar RM 3 ke RM 3.50 sahaja,"katanya kepada Sinar Harian.

Muhammad Termizi mengakui peniaga terpaksa bersaing dengan lambakan cili import dan pelbagai kos terpaksa dihadapi termasuk menggaji pekerja.

Katanya, dia bersama Kumpulan Fertigasi Hijau Jempol terdiri daripada lapan pengusaha berharap sangat beberapa Kementerian ter-

libat memantau penjualan cili import yang mengganggu mata pencarian pengusaha tanam sayur terutama cili tempatan.

Petani saran kerajaan stabilkan harga cili

Bagi Ekmal Subhi, 37, berkata, cili tempatan bukannya tidak laku kerana hampir setiap hari cili yang dihantar oleh pengusaha habis dipasarkan.

"Cuma bila ada banyak cili import, pengusaha seperti kami tak dapat menambak bekalan cili tempatan.

Saya percaya sekiranya pihak bertanggungjawab memberi tumpuan kepada cili tempatan termasuk dari segi kepentingan dan kesegaran cili tempatan, ia dapat menggandakan jualan kami,"katanya.

Lebih membimbangkan, tiada usaha membezakan kedua-dua jenis cili itu bagi memberi pilihan kepada pengguna.

"Saya sedih bila dengar keluhan pengusaha lain apabila harga cili semakin jatuh merudum sedangkan, cili tempatan adalah premium yang bernilai tinggi dan diyakini dari segi kebersihannya, penggunaan baja dan bahan kimia yang tidak keterlauan.

"Kita juga hendak tanamkan semangat patriotisme kepada rakyat supaya memberi keutamaan kepada cili tempatan,"katanya.

Ekmal yang pernah kerugian sebanyak RM 300,000 mengusahakan tanam cili di Sjangkang mengakui petani bukan mahu harga yang tinggi sangat tetapi memadam harga itu stabil sepanjang masa.

REAKSI



11 Pasaran runcit di kawasan sekitar tak ambil cili dalam kuantiti yang banyak, jika ambilpun hanya 10 kilogram dengan nilai RM 50 sahaja, macam mana kami nak hidup jika harga pasaran di sini semakin rendah." -Pengusaha cili dari Labu, Sheikh Mohamed Fairuz Sheikh Mohamed Sharifuddin, 38



11 Sebagai pengusaha cili harap sangat kerajaan dapat mengatasi masalah lambakan cili import ini sebab kebanyakan petani sudah melaksanakan penanaman cili tempatan terbaik, cuma terpaksa berdepan dengan harga cili import yang jauh lebih murah." -Pengusaha cili, Mohd Fariqin Abdul Rashid, 30



Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, permintaan cili tempatan semakin kurang dan PPK juga berdepan dengan kemerosotan sehingga 50 peratus pesanan daripada pasar raya, peruncit dan sebagainya.

Menurutnya, sudah menjadi tradisi PPK Kuala Langat membela nasib petani dengan memberi harga lantai rendah untuk menyara pendapatan petani di sini.

Katanya, kesanggupan petani mengeluarkan produk namun apabila berdepan dengan harga produk makanan luar negara dijual lebih murah ia memberi kesan negatif.

"Apa yang penting, isu lambakan cili ini perlu dipantau supaya memberi pulangan yang masuk akal kepada petani,"katanya.

Permintaan cili tempatan susut 50 peratus



Abdul Razak (kanan) ketika mendengar keluhan petani cili fertigasi yang menghantar produk mereka ke Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) PPK Kuala Langat.